



15 Mac 2018
15 March 2018
P.U. (A) 78

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERDAGANGAN STRATEGIK
(RESOLUSI MAJLIS KESELAMATAN PERTUBUHAN
BANGSA-BANGSA BERSATU) (PINDAAN) 2018

*STRATEGIC TRADE (UNITED NATIONS SECURITY
COUNCIL RESOLUTIONS) (AMENDMENT)
REGULATIONS 2018*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERDAGANGAN STRATEGIK 2010

PERATURAN-PERATURAN PERDAGANGAN STRATEGIK (RESOLUSI MAJLIS
KESELAMATAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU) (PINDAAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 55 Akta Perdagangan Strategik 2010 [*Akta 708*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perdagangan Strategik (Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) (Pindaan) 2018**.

Pindaan peraturan 3

2. Peraturan 3 Peraturan-Peraturan Perdagangan Strategik (Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) 2010 [*P.U. (A) 481/2010*] dipinda—

(a) dalam perenggan (2)(a), (b) dan (c), dengan menggantikan perkataan “warganegara Malaysia dan tiada pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di Malaysia” dengan perkataan “seorang pun”; dan

(b) dalam perenggan (2)(d)—

(i) dengan menggantikan perkataan “warganegara Malaysia dan tiap-tiap pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di Malaysia” dengan perkataan “orang”; dan

(ii) dalam subperenggan (i), dengan menggantikan perkataan “dalam milikan, jagaan atau kawalannya yang mereka mempunyai” dengan perkataan “dalam milikan, jagaan atau kawalannya yang dia mempunyai”.